

# BAHASA MELAYU

oleh Musyfa'

Sesungguhnya sebelum seseorang itu menterjemahkan sebarang kitab atau seumpamanya daripada suatu bahasa ke suatu bahasa yang lain, maka mustahaklah ia ketahui betul-betul kedua-dua bahasa itu tentang selok-belok ikatan tertib susunan dan peribahasa-peribahasa kedua bahasa itu terlebih dahulu kerana jika perkara-perkara yang hendak diterjemahkan itu berkenaan dengan undang-undang negeri dan terutama sekali tentang hukum-hukum agama Islam, kerana bahawasanya terjemahan yang terkhilaf sedikit sekalipun akan menterpesongkan faham dan menyebabkan dosa istimewa di sisi orang-orang yang sememang tiada tahu bahasa Arab. Selain daripada itu pula bahawa yang demikian mendatangkan peluang kepada seteru-seteru agama Islam yang sememang tahu bahasa Arab tetapi mereka itu bijaksana dan cerdik pula pada mengubah makna dan pengertian yang sebenar kepada yang salah, sepertilah sebagaimana yang sudah dilakukan oleh seorang Jerman yang berpengetahuan tinggi bernama Martin Luther yang telah diperanakan pada 10 haribulan November tahun 1483 dan mati di dalam tahun 1546. Dialah yang telah mengubah kandungan kitab Kristian Roman Katholik (yang sememang-memangnya sudah dahulu dipesongkan sebutan-sebutan dan kehendak-kehendaknya yang sebenar dari kitab Taurat dan Injil itu ke dalam kitab agama Kristian Roman Katholik di dalam bahasa Latin dan Greek itu) bahawasanya inilah yang telah menyebabkan agama Kristian itu menjadi bermazhab-mazhab iaitu setengahnya kekal Roman Katholik, tatkala yang lain-lain ialah Protestan, Presbyterian dan lain-lainnya di negeri Eropah dan kemudian di Amerika Syarikat beragama Kristian Methodist sehingga hari ini dan nama Martin Luther menjadi masyhur sebagai "Pembaiki Agama" dimetrikkan di dalam loh tawarikh dunia di Eropah dan Amerika.

Saya telah biasa juga membaca beberapa buah kita-kitab agama Islam mengandungi firman-firman Allah dan hadis-hadis Nabi

kita Saidina Muhammad SAW di dalam bahasa Melayu, maka saya dapati setengah daripada setengahnya itu bahawa bahasa Melayunya tidak betul dan menerbitkan kesalahan-kesalahan faham daripada yang sebenarnya melainkan terpaksa saya mengadap alim ulama Melayu yang ketahui betul bahasa Arab pada menerangkan maksud-maksud dan pengertian-pengertian yang sebenar-benarnya. Di sini janganlah kiranya sesiapa dari tuan-tuan pembaca menyangkakan saya sengaja bertujuan hendak merendahkan pengetahuan alim ulama di sini janganlah bangsa kita Melayu, tidak sekali-kali! Bahkan saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Taala dan menjunjung tinggi pengetahuan tuan-tuan alim ulama itu dan mengucap setinggi-tinggi terima kasih tentang budi dan penat lelah mereka yang telah menterjemahkan kitab-kitab agama Islam dari bahasa Arab ke bahasa Melayu, yang daripadanya banyak daripada orang-orang Melayu kita pelajari perkara agama yang wajib diketahui dan diamalkan.

Kebanyakan daripada orang-orang muda kita Melayu dari kecilnya lagi telah belajar membaca Quran di rumah gurunya masing-masing, kemudian beralih ke pondok-pondok dan madrasah-madrasah di kampung-kampung pula kerana belajar kitab-kitab agama, maka dari sebab ini tiadalah mereka itu dapat peluang bercampur gaul dengan orang-orang bandar atau mendengar tuturan bahasa Melayu yang bersusunan betul, kemudian setengah daripada orang-orang muda pergi ke Mekah kerana belajar menambahi lagi pengajian mereka itu. Maka di Mekah setengah daripada guru-guru di situ ialah orang-orang Arab yang tidak pandai di dalam bahasa Melayu dan setengah daripada guru-guru itu ialah orang-orang Melayu juga akan tetapi oleh sebab setengahnya dari kecil sehingga besar di sana maka bahasa Melayu mereka itu banyaklah bersulam dengan bahasa Arab dan bersendi dengan kaedah bahasa Arab pula yang berlainan daripada susunan bahasa Melayu yang sebenar di Tanah Malaya ini. Maka inilah sebabnya setengah daripada kitab-kitab agama Islam di dalam bahasa Melayu mengelirukan faham orang-orang Melayu yang membaca kitab-kitab itu.

Baharu-baharu ini seorang sahabat saya (tidaklah saya suka menzahirkan namanya di sini, kerana saya memelihara kehormatannya) telah mendapatkan saya dan ditunjukkannya kepada saya sebuah risalah di dalam bahasa Melayu, yang mengandungi hadis-hadis

Nabi SAW sebagai tauladan dan pengajaran membaiki akhlak dan sebagainya. Risalah ini telah dibawanya turun sama dari Mekah lebih kurang setahun dahulu.

Setengah daripada kandungan-kandungan risalah ini adalah saya turunkan di bawah ini dengan tidak diubahkan sedikit pun perkataan-perkataan dan ejaan-ejaannya-

“Riwayat daripada Abi Hurairah – berkata ia masuk Rasulullah SAW pada satu hari atas anaknya (Siti Fatimah al-Zahra’) RA. Tiba-tiba mendapat Nabi SAW akan Siti Fatimah itu sedang duduk menghadapi kebesaran kerana mengisar gandumnya oleh itu adalah Siti Fatimah sedang menangis. Maka bersabda Nabi SAW baginya dan apa yang menangkiskan dikau hai Fatimah? Tiada menangkiskan dikau Allah akan masa? Maka jawab Siti Fatimah Wahai ayahandaku tetapi menangkiskan perhamba oleh batu pengisaran dan pekerjaan rumah! Maka duduklah Nabi SAW di sisinya. Maka berkata Siti Fatimah Wahai ayahandaku daripada kurnia engkau bahawa ayahanda minta bagi perhamba akan Imam Aba al-Hasan (‘Ali) dengan bahawa ia beri dan beli bagiku seorang Jariah (hamba) supaya menolong akan perhamba di atas Pengisaran dan pekerjaan rumahtangga!”

Saya dengan ikhlas menerangkan kepada sahabat saya itu bahawa terjemahan itu panjang meleret-leret dan bahasa Melayunya tidak betul yang boleh membuat orang-orang Melayu tertawa, dan lagi jika terjemahan yang semacam itu berkenaan dengan hukum-hukum beramal ibadat kepada Tuhan, sangat harus ia menterpesongkan apa yang benar kepada yang salah serta mendatangkan dosa pula. Maka jawab sahabat saya itu: “Adapun tentang menterjemahkan firman-firman Allah dan hadis-hadis Nabi maka tidak bolehlah diubah-ubahkan perkataan-perkataan dan ertinya daripada asalnya itu” Oleh yang demikian saya pun terangkan lagi bahawa tidak saya salahkan sepele pun perkataan Arab yang ada di dalam Al-Quran Al-Karim itu dan begitu jugalah apa-apa jua perkataan dan loghat atau istiadat Arab yang ada di dalam kitab-kitab hadis Nabi dan lain-lainnya akan tetapi ada tentang-tentang tempatnya boleh dimelayukan ke dalam bahasa Melayu yang sempurna dan bertepatan supaya memberi faham yang secukupnya. Di bawah ini adalah saya cuba

menerangkan keganjilan, bahasa Melayu di dalam risalah ini:-

1. Masuk Rasulullah SAW pada satu hari atas anaknya (Siti Fatimah al-Zahra’) – Mengapakah dikatakan “atas anaknya...”? Bahawasanya ini bukan tertib susunan bahasa Melayu!

2. Apakah ertinya:- “tiada menangkiskan dikau Allah akan mati?”

3. Sabda Nabi SAW “apa yang menangkiskan dikau hai Fatimah?” Ini salah kerana perkataan “menangkiskan dikau” Itu bererti ada sesuatu benda atau seseorang yang menangkiskan Siti Fatimah – bukanlah Siti Fatimah yang menangis.

4. Jawab Siti Fatimah: “Wahai ayahandaku menangkiskan perhamba “oleh” batu pengisaran dan pekerjaan rumah” Di sini terlebih lagi salah atau mengelirukan faham, ialah kerana sepatah perkataan “oleh” batu pengisaran dan .... pleh yang demikian perkataan “oleh” itulah yang lebih menguatkan faham bahawa batu pengisar dan pekerjaan rumah itulah yang menangis, bukan Siti Fatimah yang sebenarnya menangis.

5. Kata Siti Fatimah lagi:- “Wahai ayahandaku daripada kurnia engkau bahawa ayahanda minta bagi perhamba akan Imam Aba al-Hasan (‘Ali) dengan bahawa ia beri dan beli bagiku Seorang jariah (hamba) supaya menolong akan perhamba “di atas” pengisaran dan pekerjaan rumah tangga ... dan ...”

(A) Apakah ertinya “daripada kurnia engkau” itu?

(B) Mengapa digunakan “di atas” pengisaran dan pekerjaan rumahtangga itu? Tidakkah ini boleh dikatakan bahasa Melayu karut? Pada hal bahasa Melayu yang betul dan mudah difaham ialah: supaya jariah itu menolong anakanda pada mengisarkan gandum dan membuat pekerjaan rumahtangga.

Sungguhpun telah digunakan perkataan-perkataan Melayu tentang menterjemahkan hal yang tersebut di atas tadi, maka begitupun saya berani berkata bahawa bukanlah yang demikian itu terjemahan ke bahasa Melayu yang sebenar! Apa yang saya sebutkan itu hanya sejempit daripada segantang yang ada di dalam risalah itu, dan jika saya zahirkan semua kandungan risalah itu nescaya nyatalah kepada tuan-tuan pembaca majalah “Qalam” yang cemerlang ini, iaitu seperti setokol sutera kusut yang payah diselesaikan adanya.